



DESKRIPSI

STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SKPK)

DIMENSI KUALITI TADBIR URUS

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan				Dilaksanakan Sepenuhnya
	0	1	2	3	4
1. Menyediakan dokumen pernyataan visi dan misi prasekolah.	Pernyataan tentang visi dan misi prasekolah tidak disediakan.	Hanya visi atau misi prasekolah disediakan.	Visi dan misi prasekolah disediakan.	Pernyataan visi dan misi prasekolah disediakan dan dipamerkan.	Pernyataan visi dan misi prasekolah disediakan, dipamer dan diperjelaskan kepada pihak yang berkepentingan (<i>stakeholders</i>).
2. Menyediakan senarai harta modal dan inventori peralatan.	Prasekolah tidak menyediakan senarai harta modal dan inventori peralatan.	Menyediakan sama ada senarai harta modal atau inventori peralatan.	Menyediakan senarai harta modal dan inventori peralatan.	Menyediakan senarai harta modal dan inventori peralatan. Senarai harta modal atau inventori peralatan dikemas kini.	Menyediakan senarai harta modal dan inventori peralatan. Senarai harta modal dan inventori peralatan dikemas kini.
3. Memastikan profil guru disediakan dengan lengkap, dikemas kini dan mudah diakses.	Prasekolah tidak menyediakan profil guru.	Prasekolah menyediakan profil guru tetapi tidak lengkap.	Prasekolah menyediakan profil guru dengan lengkap.	Prasekolah menyediakan profil guru dengan lengkap dan dikemas kini.	Prasekolah menyediakan profil guru dengan lengkap, dikemas kini dan mudah diakses.
4. Memastikan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid disediakan dengan lengkap, dikemas kini dan mudah diakses.	Prasekolah tidak menyediakan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid.	Prasekolah menyediakan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid tetapi tidak lengkap.	Prasekolah menyediakan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid dengan lengkap.	Prasekolah menyediakan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid dengan lengkap dan dikemas kini.	Prasekolah menyediakan profil Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid dengan lengkap, dikemas kini dan mudah diakses.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan				Dilaksanakan Sepenuhnya
	0	1	2	3	4
5. Menyediakan takwim, bidang tugas dan perancangan kewangan prasekolah.	Tidak menyediakan/tidak lengkap: <ul style="list-style-type: none"> • takwim • bidang tugas • perancangan kewangan prasekolah 	Menyediakan satu daripada berikut dengan lengkap: <ul style="list-style-type: none"> • takwim • bidang tugas • perancangan kewangan prasekolah 	Menyediakan dua daripada berikut dengan lengkap: <ul style="list-style-type: none"> • takwim • bidang tugas • perancangan kewangan prasekolah 	Menyediakan ketiga-tiga berikut dengan lengkap: <ul style="list-style-type: none"> • takwim • bidang tugas • perancangan kewangan prasekolah 	Menyediakan ketiga-tiga berikut dengan lengkap dan sistematik : <ul style="list-style-type: none"> • takwim • bidang tugas • perancangan kewangan prasekolah
6. Menyemak rancangan pengajaran guru	Rancangan pengajaran guru tidak disemak.	Rancangan pengajaran guru disemak secara tidak berkala.	Rancangan pengajaran guru disemak secara berkala.	Rancangan pengajaran guru disemak setiap minggu.	Rancangan pengajaran guru disemak setiap minggu. Terdapat ulasan yang membina.
7. Menyemak Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid	Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid tidak disemak.	Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid disemak secara tidak berkala.	Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid disemak secara berkala.	Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid disemak setiap minggu.	Laporan Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid disemak setiap minggu. Terdapat ulasan yang membina.
8. Menyediakan rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar.	Rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar tidak disediakan.	Rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar disediakan. Rekod tidak dikemas kini.	Rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar disediakan. Rekod dikemas kini.	Rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar disediakan. Rekod dikemas kini dan disemak.	Rekod aktiviti / program murid dalam bentuk bertulis dan / atau bergambar disediakan. Rekod dikemas kini, disemak dan terdapat ulasan untuk penambahbaikan.

Deskripsi Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan

Petunjuk/Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan				Dilaksanakan Sepenuhnya
	0	1	2	3	4
9. Menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga untuk memberi pandangan atau maklum balas.	Prasekolah tidak menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga untuk memberi pandangan atau maklum balas.	Prasekolah menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga memberi pandangan atau maklum balas melalui satu kaedah sahaja.	Prasekolah menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga untuk memberi pandangan / maklum balas melalui pelbagai kaedah.	Prasekolah menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga untuk memberi pandangan / maklum balas melalui pelbagai kaedah. Pandangan / maklum balas direkodkan.	Prasekolah menyediakan peluang kepada ibu bapa / penjaga untuk memberi pandangan / maklum balas melalui pelbagai kaedah. Pandangan / maklum balas direkodkan dan diambil tindakan yang sesuai.

DIMENSI KUALITI KURIKULUM

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
1. Perancangan dan persediaan yang rapi berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Jadual waktu disediakan berdasarkan kehendak KSPK. • Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) disediakan berdasarkan takwim persekolahan. • Rancangan Pelajaran Harian (RPH) disediakan setiap hari berdasarkan RPT. • Refleksi disediakan bagi setiap pengajaran sebagai panduan untuk merancang RPH yang seterusnya. • RPT dan RPH didokumentasikan dengan lengkap.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
2. Pengurusan kelas yang cekap mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelas berada dalam keadaan kondusif (selamat, bersih dan selesa) untuk proses Pembelajaran dan Pengajaran. • Susun atur kedudukan peralatan / perabot sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan. • Ruang kelas digunakan secara optimum untuk tujuan pembelajaran. • Hasil kerja murid dipamerkan. • Kelas mempunyai sekurang-kurangnya dua pusat pembelajaran.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
3. Melaksanakan Pembelajaran dan Pengajaran yang mampu memupuk perkembangan murid.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran dipelbagaikan. • Pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran sesuai dengan keupayaan dan pengalaman murid. • Mengamalkan prinsip pengajaran asas; daripada mudah kepada kompleks; daripada konkrit kepada abstrak. • Aktiviti secara individu, kumpulan dan kelas dilaksanakan. • Aktiviti adalah kreatif, menarik dan menyeronokkan murid.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
4. Penggunaan sumber pendidikan untuk mengukuhkan Pembelajaran dan Pengajaran.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sumber pendidikan yang digunakan sesuai dan merangsang pemikiran murid. • Penggunaan sumber pendidikan mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik minat murid. • Sumber pendidikan yang digunakan mencukupi untuk kegunaan murid. • Sumber pendidikan selamat digunakan oleh murid. • Guru menggunakan pelbagai sumber pendidikan dengan kreatif.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
5. Komunikasi berkesan memudahkan pemahaman dan menggalakkan pembelajaran.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu item dalam skor 4 dipenuhi.	Dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Memberi layanan mesra semasa berinteraksi dengan murid. • Menunjukkan ekspresi yang positif terhadap input murid. • Memberi maklum balas konstruktif, pujian / galakan terhadap input murid. • Menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap keupayaan murid.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
6. Penguasaan isi kandungan pelajaran yang mendalam membolehkan pelajaran disampaikan dengan yakin, jelas dan tepat.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu item dalam skor 4 dipenuhi.	Dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembelajaran dan Pengajaran dilaksanakan memenuhi kehendak standard pembelajaran. • Berupaya mengaitkan isi kandungan pelajaran dengan situasi semasa / pengalaman murid. • Berupaya menjelaskan konsep atau fakta dengan yakin dan tepat. • Berkemahiran mempertingkatkan pembelajaran mengikut potensi murid.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
7. Penglibatan aktif murid membolehkan berlakunya pembelajaran berkesan.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu item dalam skor 4 dipenuhi.	Dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran (termasuk aktiviti rutin). • Memberi respons terhadap soalan guru mengikut situasi, membuat gerakan fizikal atau arahan lain guru. • Murid berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala seperti murid dengan murid, murid dengan guru atau murid dengan bahan. • Murid memberi tumpuan terhadap pelajaran.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
8. Melaksanakan pentaksiran berterusan untuk mengukur tahap perkembangan murid.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan sekurang-kurangnya tiga kaedah merekodkan pentaksiran. • Melaksanakan pentaksiran secara menyeluruh merangkumi semua tunjang. • Merekodkan hasil pentaksiran secara berterusan dan sistematik. • Hasil pentaksiran dianalisis untuk memperbaiki Pengajaran dan Pembelajaran. • Memberi maklum balas / melaporkan perkembangan murid dalam semua tunjang kepada ibu bapa / penjaga secara rasmi.

DIMENSI KUALITI INTERAKSI PRASEKOLAH-IBU BAPA / PENJAGA

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
1. Perjumpaan / mesyuarat formal yang dilaksanakan dan melibatkan ibu bapa / penjaga.	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada perjumpaan / mesyuarat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan / mesyuarat dilaksanakan sekali setahun. • Maklumat berkaitan perjumpaan tidak didokumenkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan / mesyuarat dilaksanakan sekali setahun. • Maklumat berkaitan perjumpaan didokumenkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan / mesyuarat dilaksanakan dua kali setahun. • Maklumat berkaitan perjumpaan didokumenkan. • Pandangan ibu bapa / penjaga direkodkan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan / mesyuarat dilaksanakan melebihi dua kali setahun. • Maklumat berkaitan perjumpaan didokumenkan. • Pandangan ibu bapa / penjaga direkodkan dan diambil tindakan*.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
2. Prasekolah melaksanakan program orientasi kepada ibu bapa untuk menyampaikan maklumat.	Tiada mana-mana item di dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Prasekolah merancang & melaksanakan program orientasi bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang berikut kepada ibu bapa mengenai : <ul style="list-style-type: none"> • Falsafah Prasekolah • Kurikulum Prasekolah • Pentaksiran Prasekolah • Penglibatan ibu bapa / penjaga • Polisi-polisi prasekolah

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
3. Prasekolah menyediakan mekanisme untuk memastikan proses komunikasi berlaku dengan ibu bapa / penjaga.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu item dalam skor 4 dipenuhi.	Dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Komunikasi pelbagai cara. (contoh : media elektronik, media cetak dan sesi bersemuka). • Komunikasi kerap berlaku antara prasekolah dengan ibu bapa / penjaga. (sekurang-kurangnya dua kali seminggu). • Prasekolah mengamalkan komunikasi dua hala untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. • Hasil komunikasi direkodkan dan diambil tindakan.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
4. Penglibatan ibu bapa / penjaga dalam aktiviti bilik darjah. Contoh: penyediaan bahan sumber pendidikan dan pusat / sudut pembelajaran.	Ibu bapa / penjaga tidak terlibat dalam aktiviti bilik darjah.	Ibu bapa / penjaga kurang terlibat membantu guru dalam aktiviti bilik darjah.	Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti bilik darjah.	Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti bilik darjah. Hasil sumbangan ibu bapa / penjaga dimanfaatkan oleh guru.	Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti bilik darjah. Hasil sumbangan ibu bapa / penjaga dimanfaatkan oleh guru. Pengiktirafan diberikan kepada ibu bapa / penjaga yang terlibat.

Deskripsi Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
<p>5. Penglibatan ibu bapa/ penjaga dalam aktiviti di luar bilik darjah dan keceriaan.</p> <p>Contoh: (lawatan, gotong royong, sukan dan sebagainya).</p>	Ibu bapa / penjaga tidak terlibat.	Ibu bapa / penjaga kurang terlibat membantu guru dalam aktiviti di luar bilik darjah.	Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti di luar bilik darjah dengan galakan.	Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti di luar bilik darjah secara sukarela.	<p>Ibu bapa / penjaga terlibat secara aktif membantu guru dalam aktiviti di luar bilik darjah secara sukarela.</p> <p>Hasil sumbangan ibu bapa / penjaga dimanfaatkan oleh guru.</p> <p>Pengiktirafan diberikan kepada ibu bapa/ penjaga yang terlibat.</p>

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak Dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
6. Ibu bapa / penjaga diberi peluang memberi maklum balas terhadap pengurusan prasekolah dan aktiviti lain yang dilaksanakan di prasekolah.	Ibu bapa / penjaga tidak diberi peluang memberi maklum balas.	Ibu bapa / penjaga diberi peluang memberi maklum balas secara lisan sahaja.	Ibu bapa / penjaga diberi peluang memberi maklum balas dengan menggunakan borang tertentu. Rumusan hasil maklum balas tidak disediakan.	Ibu bapa / penjaga diberi peluang memberi maklum balas dengan menggunakan borang tertentu. Rumusan hasil maklum balas disediakan.	Ibu bapa / penjaga diberi peluang memberi maklum balas dengan menggunakan borang tertentu. Rumusan hasil maklum balas disediakan. Hasil maklum balas oleh ibu bapa / penjaga dimanfaatkan* untuk penambahbaikan.

DIMENSI KUALITI KESIHATAN, PEMAKANAN DAN KESELAMATAN

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
1. Prasekolah mempunyai polisi / prosedur / peraturan tentang keselamatan dan kesihatan murid.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga atau empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Lima item dalam skor 4 dipenuhi.	Prasekolah mempunyai semua polisi berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Merekodkan kehadiran murid setiap hari. • Pemeriksaan fizikal dan kesihatan dilakukan semasa murid tiba di prasekolah setiap hari. • Hanya ibu bapa atau pihak yang dipertanggungjawab oleh ibu bapa sahaja dibenarkan untuk mengambil murid pulang. • Kesejahteraan fizikal, emosi, mental, sosial dan seksual murid-murid dilindungi. • Prasekolah memberi kesedaran kepada murid tentang keselamatan diri. • Pemantauan murid-murid setiap masa semasa di kelas prasekolah.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
2. Prasekolah mengutamakan amalan kesihatan seperti kebersihan diri, ruang dan bahan yang digunakan.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru / Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid berpengetahuan mengenai <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) / prosedur prasekolah dalam pencegahan penyakit berjangkit serta pengurusan kecemasan dan kecederaan murid. • Pencahayaan dan pengudaraan yang sesuai di ruang dalam Prasekolah. • Pemeriksaan kesihatan* dilaksanakan oleh KKM. • Ruang dan peralatan Pengajaran dan Pembelajaran bersih dan selamat. • Murid mengamalkan kebersihan diri.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
<p>3. Penyediaan makanan berkhasiat diamalkan di prasekolah (Akta Makanan 1983; Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009).</p> <p>(Sekiranya pihak prasekolah tidak menyediakan makanan, sila jawab 3a).</p>	<p>Prasekolah tidak mengamalkan penyediaan pemakanan dengan mematuhi sebahagian Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.</p> <p>Menu disediakan tidak mematuhi sepenuhnya piramid makanan.</p> <p>Penyediaan makanan tidak mematuhi menu yang disediakan.</p>	<p>Prasekolah mengamalkan penyediaan pemakanan dengan mematuhi sebahagian Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.</p> <p>Menu disediakan tidak mematuhi sepenuhnya piramid makanan.</p> <p>Penyediaan makanan tidak mematuhi menu yang disediakan.</p>	<p>Prasekolah mengamalkan penyediaan pemakanan dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.</p> <p>Menu disediakan tidak mematuhi sepenuhnya piramid makanan.</p> <p>Penyediaan makanan mematuhi sebahagian menu yang disediakan.</p>	<p>Prasekolah mengamalkan penyediaan pemakanan dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.</p> <p>Menu disediakan mematuhi sepenuhnya piramid makanan.</p> <p>Penyediaan makanan mematuhi sebahagian menu yang disediakan.</p>	<p>Prasekolah mengamalkan penyediaan pemakanan dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.</p> <p>Menu disediakan mematuhi sepenuhnya piramid makanan.</p> <p>Penyediaan makanan mematuhi sepenuhnya menu yang disediakan.</p>

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
3 a. Prasekolah yang tidak menyediakan makanan, menyediakan polisi dan prosedur tentang makanan yang dibawa dari luar.	Prasekolah tidak mempunyai polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar.	Prasekolah mempunyai polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar. Polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar tidak dimaklumkan kepada ibu bapa / penjaga.	Prasekolah mempunyai polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar, dan Polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar dimaklumkan kepada ibu bapa / penjaga.	Prasekolah mempunyai polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar, memaklumkan ibu bapa / penjaga mengenainya, dan memantau makanan yang dibawa dari luar. Polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar tidak mengandungi tiga perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Peraturan kebersihan makanan. • Piramid makanan. • Peraturan bagi menghormati nilai, adat resam dan kepercayaan yang berbeza antara murid. 	Prasekolah mempunyai polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar, memaklumkan ibu bapa / penjaga mengenainya, dan memantau makanan yang dibawa dari luar. Polisi / prosedur makanan yang dibawa dari luar mengandungi tiga perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Peraturan kebersihan makanan. • Piramid makanan. • Peraturan bagi menghormati nilai, adat resam dan kepercayaan yang berbeza antara murid.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
4. Prasekolah melaksanakan amalan menghidang makanan.	Prasekolah tidak menyediakan peraturan menghidang makanan. Prasekolah tidak mempunyai ruang makan yang sesuai.	Prasekolah menyediakan peraturan menghidang makanan. Prasekolah tidak mematuhi peraturan menghidang makanan. Prasekolah tidak mempunyai ruang makan yang sesuai.	Prasekolah menyediakan peraturan menghidang makanan. Prasekolah mematuhi sebahagian peraturan menghidang makanan. Prasekolah tidak mempunyai ruang makan yang sesuai.	Prasekolah menyediakan peraturan menghidang makanan. Prasekolah mematuhi peraturan menghidang makanan. Prasekolah tidak mempunyai ruang makan yang sesuai.	Prasekolah menyediakan peraturan menghidang makanan. Prasekolah mematuhi peraturan menghidang makanan. Prasekolah mempunyai ruang makan yang sesuai.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
5. Prasekolah melibatkan murid dalam aktiviti menghidang makanan.	Murid tidak terlibat untuk menghidangkan makanan.	Satu item dalam skor 4 dipenuhi.	Dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	<p>Semua item dalam skor 4 dipenuhi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Murid menghidangkan makanan berdasarkan Jadual Tugas. • Murid meletakkan peralatan makan sendiri di tempat yang disediakan selepas makan. • Murid mengemas tempat makan sendiri. • Murid dibimbing oleh Guru / Pembantu Guru / PPM untuk menghidang makanan.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
6. Prasekolah mementingkan aspek keselamatan murid.	<p>Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.</p>	<p>Peti pertolongan cemas 'First Aid Kit' disediakan serta boleh digunakan dan mudah diakses.</p> <p>Rekod Pergerakan Keluar Masuk murid prasekolah sentiasa dilengkapkan.</p>	<p>Peti pertolongan cemas 'First Aid Kit' disediakan serta boleh digunakan dan mudah diakses.</p> <p>Rekod Pergerakan Keluar Masuk murid prasekolah sentiasa dilengkapkan,</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mana-mana satu dalam aspek tambahan dipenuhi.</p>	<p>Peti pertolongan cemas 'First Aid Kit' disediakan serta boleh digunakan dan mudah diakses.</p> <p>Rekod Pergerakan Keluar Masuk murid prasekolah sentiasa dilengkapkan,</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mana-mana dua dari aspek tambahan dipenuhi.</p>	<p>Peti pertolongan cemas 'First Aid Kit' disediakan serta boleh digunakan dan mudah diakses.</p> <p>Rekod Pergerakan Keluar Masuk murid prasekolah sentiasa dilengkapkan.</p> <p>Kesemua aspek tambahan dipenuhi.</p> <p>Aspek tambahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan, peralatan dan perabot selamat digunakan. • Garis panduan/peraturan keselamatan disediakan dan dipamerkan. • Guru / pembantu guru mampu mengendalikan pertolongan cemas.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
7. Prasekolah menyediakan prosedur kecemasan kebakaran.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga item dalam skor 4 dipenuhi.	Empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Laluan Kecemasan dipamerkan. • Laluan kecemasan dilabel dan sedia digunakan. • Latihan kebakaran melibatkan murid prasekolah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. • Alat pemadam api disediakan di tempat strategik, diselenggara dan berfungsi. • Guru / Pembantu Guru / Pembantu Pengurusan Murid boleh mengendalikan alat pemadam api.

Petunjuk / Amalan	Tahap Pelaksanaan Amalan				
	Tidak dilaksanakan			Dilaksanakan Sepenuhnya	
	0	1	2	3	4
8. Prasekolah menyediakan ruang dan persekitaran yang selamat.	Tiada item dalam skor 4 dipenuhi.	Satu atau dua item dalam skor 4 dipenuhi.	Tiga atau empat item dalam skor 4 dipenuhi.	Lima item dalam skor 4 dipenuhi.	Semua item dalam skor 4 dipenuhi. <ul style="list-style-type: none"> • Prasekolah berpagar / berjeriji (<i>grill</i>) dan berkunci. • Kunci disimpan di tempat yang hanya mudah diakses oleh pihak pengurusan prasekolah. • Peralatan dan bahan berbahaya disimpan di tempat yang selamat. • Ruang memasak dan ruang Pembelajaran dan Pengajaran diasingkan. • Ruang dan susun atur perabot membolehkan murid bergerak dengan selamat. • Kawasan dan peralatan permainan luar selamat digunakan.

SEKIAN. TERIMA KASIH.
